

Kadar kemiskinan di Sabah dapat dikurangkan bawah 10 peratus

OLEH YATIM TAUBATAL ANDAM

KOTA KINABALU: Kerajaan negeri yakin dapat mengurangkan kadar kemiskinan di negeri ini ke tahap bawah 10 peratus dalam tempoh lima tahun hingga 10 tahun akan datang.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Abdul Rahim Ismail, berkata jangkaan ini berasaskan ketelusan kerajaan Barisan Nasional (BN) untuk memperkenalkan pelbagai dasar pendidikan, pembangunan luar bandar dan sosial negara sejak 10 tahun lalu.

Katanya, sejak kerajaan BN mengambil alih tampuk pemerintahan negeri 10 tahun lalu, dasar itu yang diperkenalkan untuk membasmi kemiskinan yang tinggi di negeri ini telah dapat dikurangkan kepada 16 peratus daripada 28 peratus pada 1994, menurun kepada 24 peratus pada 1999.

Menurutnya, pada masa yang sama pengurangan itu juga meningkatkan taraf hidup rakyat dan pencapaian ini dijangka terus menggalakkan pada tahun akan datang.

"Ini menunjukkan keberkesanan dasar kerajaan BN untuk mengurangkan tahap kemiskinan yang tinggi di negeri ini ketika mula-mula memegang tampuk pemerintahan negeri," katanya.

Beliau berkata kepada pem-

berita selepas merasmikan Pertandingan memancing anjuran Pergerakan Pemuda dan Puteri Umno Penampang di Kampung Gayang, kelmarin.

Katanya, pencapaian kerajaan BN dalam tempoh 10 tahun sejak 1994 untuk mengurangkan kadar kemiskinan pada tahun 16 peratus sekarang adalah petanda yang sangat baik untuk merealisasikan hasrat mengurangkan kadar kemiskinan pada tahap 8 peratus.

"Walaupun pada mulanya segelintir rakyat ragu-ragu terhadap keupayaan kerajaan BN, tetapi sekarang kita sudah melihat pelbagai pembangunan, termasuk projek pembinaan sekolah, jalan raya ke kampung-kampung, lebuh raya mega, bangunan mega dan kecemerlangan Universiti Malaysia Sabah (UMS)," katanya.

Menurutnya, semua projek pembangunan ini mewakili ketelusan dan ketelitian kerajaan BN untuk membangunkan negeri dalam pelbagai aspek.

"Insya-Allah, dalam tempoh lima tahun hingga 10 tahun lagi kita akan mengurangkan kadar kemiskinan itu pada tahap lapan peratus menerusi dasar yang berjaya dilaksanakan," katanya.

Sementara itu, beliau berkata negeri ini masih bebas daripada kes wabak penyakit selesema burung, yang mana turut kesan serangan penyakit turut



CUBA BAKAT....Abdul Rahim mencuba bakatnya memancing sebelum pertandingan bermula.

membabitkan kawasan penternakan.

Terbaru, Thailand dan Kemboja mengumumkan serangan selesema avian ke atas ayam disahkan, menjadikan enam jumlah keseluruhan kes di negara itu.

Setakat ini, jumlah kematian kerana wabak itu ialah enam yang dikesan di Wilayah utara sekitar Hanoi.

Sehubungan dengan itu, Abdul Rahim meminta Jabatan Haiwan dan Perusahaan Ternak (Dovsai) mengadakan program jelajah di seluruh negeri membabitkan ladang ternakan dan pusat pengeluaran ayam seba-

gai langkah berjaga-jaga.

Katanya, walaupun negeri ini belum dikesan wabak itu, langkah berjaga-jaga perlu dilakukan, pada masa yang sama memantau import ayam daripada Thailand.

Menurutnya, walaupun negeri ini mengimport ayam dengan jumlah yang sedikit dari negara berkenaan kecuali pada musim perayaan, serangan wabak penyakit itu menyebabkan kerajaan berhati-hati walaupun belum sampai tahap mengharamkan.

"Import ayam dari negara terbabit termasuk Denmark

memang tidak banyak jumlahnya kerana perusahaan di negeri ini memang cukup untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan," katanya.

Menurutnya, ini kerana daripada kira-kira 200 ladang dan perusahaan ayam di negeri ini mampu mengeluarkan kira-kira 500,000 juta telur ayam dan 30 juta ayam yang membeal daging segar.

"Ternakan ayam satu-satunya perusahaan di negeri ini yang mampu memenuhi antara 90 hingga 95 peratus daripada keperluan tempatan," katanya.